



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

JABATAN PENDAFTAR

Jalan UMS
88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia.

Tel : +6088-320000
Faks : +6088-320243 / 320047
Emel : papenums@ums.edu.my

Ruj.Kami : UMS/PEND2.1/500-2/2/5 (29)

Tarikh : **13** November 2017

**SEMUA STAF AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL
PELAJAR DAN ALUMNI) DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mempelawa staf akademik yang berminat bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut di atas, dengan mengemukakan:

- a) Surat permohonan;
- b) Ringkasan *Curriculum Vitae (CV)* seperti di Lampiran A;
- c) *Key Performance Indicators (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) USIM;
- d) Sekeping gambar terkini berukuran pasport;
- e) Dokumen-dokumen sokongan; dan
- f) Sokongan Ketua Jabatan.

3. Tarikh tutup permohonan adalah pada **23 November 2017 (Khamis)**. Bersama ini dilampirkan hebahan iklan berkaitan untuk perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan selanjutnya.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang ikhlas,

NORLINA KAMIS

Penolong Pendaftar
Seksyen Governan
Bahagian Pentadbiran dan Governan
Jabatan Pendaftar
b.p Pendaftar

s.k Pendaftar

BERTEKAD CEMERLANG



Certified to ISO9001 : 2008
Cert. No: AR 3088

www.ums.edu.my



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جَامِعَةُ الْعُلُومِ الْإِسْلَامِيَّةِ الْمَالِيزِيَّةِ
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Jabatan Pendaftar
Bahagian Governan dan Pentadbiran Am

USIM (S) 1.2.8/174/1 Jld 6 (143)
14 Safar 1439 / 3 November 2017

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Assalamualaikum WBT.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

IKLAN PENGISIAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI) DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mempelawa individu yang berkelayakan di organisasi YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan untuk memohon jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar dan Alumni) di USIM.
- ... 3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan iklan berhubung kekosongan jawatan berkenaan untuk dimaklumkan kepada staf di Universiti YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan. Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara rasmi kepada Pendaftar USIM selewat-lewatnya pada **23 November 2017 (Khamis)**.

Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan dalam memanjangkan hebahan ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

"BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA"

Yang benar,

(MUHAMMAD HAIZUAN ROZALI)
Pendaftar

Mnmhqw1

s.k. : - YBhg. Dato' Naib Canselor USIM

MHR/san



LAMPIRAN

1. Pendaftar
Universiti Malaya (UM)
Lembah Pantai
50603 KUALA LUMPUR
2. Pendaftar
Aras 5, Bangunan Canselori
Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
PULAU PINANG
3. Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 Bangi
SELANGOR
4. Pendaftar
Universiti Putra Malaysia (UPM)
43400 Serdang
SELANGOR
5. Pendaftar
Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
81310 Skudai
JOHOR
6. Pengarah Eksekutif
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
P.O. Box 10
50728 KUALA LUMPUR
7. Pendaftar
Universiti Utara Malaysia (UUM)
06010 Sintok
KEDAH
8. Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
94300 Kota Samarahan
SARAWAK
9. Pendaftar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Aras 4, Blok Selatan, Bangunan Canselori
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
SABAH
10. Pendaftar
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
Jalan Slim, 35900 Tanjong Malim
PERAK





UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**IKLAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebuah Universiti Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti mempelawa calon-calon berkeelayakan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut untuk mengisi kekosongan jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Gred VU6:-

- | | | | |
|----|-----------------|---|---|
| 1. | Jawatan | : | Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 2. | Gred | : | Gred Utama B (VU6) |
| 3. | Taraf Lantikan | : | Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak |
| 4. | Tempoh Lantikan | : | Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Tinggi) |
| 5. | Kelayakan | : | Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan JUSA C (Profesor Gred VK7) dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) atau setaraf serta berkebolehan memimpin dan mengurus. |
| 6. | Kriteria Umum | : | Kriteria umum berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut : |

6.1 Kecemerlangan Akademik

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

6.2 Pengiktirafan Antarabangsa

Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.

6.3 Kebolehan Memimpin dan Mengurus

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

6.4 Reputasi

Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

6.5 Personaliti

Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

6.6 Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* Universiti.

7. Kriteria Khusus : Kriteria khusus berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor IPTA adalah seperti berikut :

7.1 Berkemampuan Menguruskan Urusan berkaitan Pembangunan dan Hal Ehwal Pelajar:

Penyandang perlu mempunyai pengalaman dalam menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pembangunan dan hal ehwal pelajar. Ini adalah kerana penyandang bertanggungjawab menyelia aktiviti yang dianjurkan oleh persatuan pelajar, terutama Majlis Perwakilan Pelajar agar sebarang aktiviti yang dijalankan adalah selari dengan matlamat penubuhan universiti dan tidak bercanggah dengan dasar-dasar semasa kerajaan.

7.2 Aktif dalam Ko-kurikulum dan Berpengetahuan dalam Merekabentuk dan Melaksanakan ko-kurikulum Berkredit serta Program Pembangunan Pelajar secara Holistik:

Penyandang mestilah mahir dalam merekabentuk ko-kurikulum bercredit berteraskan Hasil Pembelajaran (LO) dan Kemahiran Insaniah (KI) serta aras taksonomi pembelajaran yang selaras dengan atribut afektif yang perlu dihasilkan melalui ko-kurikulum. Calon perlu berpengalaman dalam menterjemah ko-kurikulum bercredit kepada program memperkasakan pelajar serta berupaya memberi kesedaran, dorongan dan galakan kepada pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti ko-kurikulum dalam usaha melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

7.3 Penglibatan dalam Jawatankuasa yang berkaitan Hal Ehwal Pelajar:

Penyandang jawatan ini akan terlibat dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar dan Jawatankuasa-jawatankuasa lain yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar. Oleh yang demikian, penyandang mestilah seorang individu yang *service-oriented* dan sentiasa bersedia mendekati pelajar bagi menjaga kebajikan mereka tidak kira siang ataupun malam. Penyandang juga perlu mempunyai pengetahuan dalam bidang psikologi dan kaunseling/rundingcara sebagai asas untuk mendekati pelajar dan mengetahui permasalahan mereka.

7.4 Berpengalaman dalam Menguruskan Kolej-kolej Kediaman:

Penyandang mestilah mempunyai asas dalam pengurusan. Ini adalah kerana pengurusan kolej-kolej kediaman di universiti merupakan tanggungjawab dan berada di bawah bidang kuasa TNC (HEPA). Penyandang mestilah mempunyai kemahiran dalam penyelesaian masalah bagi menjaga keharmonian dan kesejahteraan pelajar agar perkhidmatan yang disediakan ini dapat melahirkan dan mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif.

7.5 Mempunyai Jaringan Hubungan Yang Luas Serta dihormati dari kalangan Alumni:

Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas serta dihormati dari kalangan alumni. Ini adalah kerana pewujudan alumni adalah penting sebagai salah satu teras kepada pembangunan dan kemajuan universiti.

8. Kriteria Tambahan : Berminat untuk mengintegrasikan ilmu Naqli dan Aqli dalam pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kemahasiswaan di USIM.

9. **CARA MEMOHON**

Permohonan bagi jawatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Gred VU6 hendaklah dibuat dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- i. Surat Permohonan;
 - ii. Ringkasan *Curriculum Vitae* (CV) seperti di **Lampiran A**;
(CV lengkap yang merangkumi latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan dan kerjaya, anugerah dan hadiah yang diterima, sumbangan-sumbangan besar kepada pembangunan Universiti dan Negara perlu disertakan bersama)
 - iii. *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) USIM;
 - iv. Sekeping gambar terkini berukuran pasport (Rujuk **Lampiran A**);
 - v. Dokumen-dokumen sokongan; dan
 - vi. Sokongan Ketua Jabatan.
10. Calon-calon yang berkecualan dan memenuhi kriteria sahaja akan disaring untuk disenarai pendek dan dipanggil temuduga.
11. Sebarang pertanyaan, sila hubungi :
- YM. Raja Mariam Raja Mohd Esa
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan dan Pentadbiran Am (Unit Governan)
Jabatan Pendaftar
Universiti Sains Islam Malaysia
No. Tel: 06-798 8123
E-mel : rajamariam@usim.edu.my
12. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada :

PENDAFTAR
Universiti Sains Islam Malaysia
Aras 2, Bangunan Canselori
Bandar Baru Nilai
71800 Nilai
Negeri Sembilan Darul Khusus
Tel : 06-7988101/8123/8122/6021
Faks : 06-7993843/06-7988130

13. **TARIKH TUTUP PERMOHONAN :-**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

RINGKASAN CURRICULUM VITAE (CV)

NAMA PENUH :
TARIKH LAHIR/UMUR :
TEMPAT LAHIR :
NOMBOR K/P :
JAWATAN TERKINI :
MAJIKAN :
TARIKH PERSARAAN WAJIB :

GAMBAR PROFIL

SEKSYEN A

A. KELAYAKAN AKADEMIK

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	TAHUN	*BIDANG PENGKHUSUSAN	INSTITUSI
1.	Ph.D			
2.	Master			
3.	Bachelor			
4.	Diploma/ <i>Executive Training</i> dll			

B. *PENGALAMAN PENGURUSAN & PENTADBIRAN UNIVERSITI (sila tandakan (v) pada petak yang berkenaan)

- i. Naib Canselor ☐ tahun : _____
- ii. Timbalan Naib Canselor
- Akademik dan Antarabangsa ☐ tahun : _____
 - Penyelidikan dan Inovasi ☐ tahun : _____
 - Jaringan Industri dan Masyarakat ☐ tahun : _____
 - Hal Ehwal Pelajar dan Alumni ☐ tahun : _____
 - Pembangunan ☐ tahun : _____
- iii. Penolong Naib Canselor ☐ tahun : _____
- iv. Pengarah ☐ tahun : _____
- v. Dekan ☐ tahun : _____
- vi. Timbalan Dekan ☐ tahun : _____
- vii. Timbalan Pengarah ☐ tahun : _____
- viii. Lain-lain (Nyatakan : _____) ☐ tahun : _____

* Boleh disediakan dalam bentuk Lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi

C. PELANTIKAN/PEMINJAMAN DI ORGANISASI ANTARABANGSA *(sila nyatakan)*

- i. _____ tahun : _____
- ii. _____ tahun : _____
- iii. _____ tahun : _____

D. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM TEMPOH MEMEGANG JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	PROJEK BERIMPAK TINGGI	
		Peringkat Nasional	Peringkat Antarabangsa
1.	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)		
2.	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)		
3.	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)		
4.	Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)		
5.	Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)		

SEKSYEN B

A. PENCAPAIAN/PENGLIBATAN DALAM BIDANG AKADEMIK

BIL	JAWATAN	AKTIVITI/PROGRAM/PROJEK/BILANGAN <i>(bagi tempoh tiga tahun terkini)</i>
1.	Pengajaran/Latihan	
2.	Pembimbing Pasca Siswazah/Pemeriksa	
3.	Penyelidikan/Penerbitan	
4.	Afiliasi Profesional	
5.	Konsultasi	

B. LAPORAN PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT) *(bagi tiga (3) tahun terkini sahaja)*

BIL	TAHUN	MARKAH
1.		
2.		
3.		